

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, February 24, 2020 9:00 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Orator UUM Sapu Bersih Kemenangan Pertandingan Debat Peringkat Antarabangsa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 FEBRUARI 2020 / 30 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed dan Nurul Sahadar Che Nuh

Gambar oleh: Unit Debat, Advokasi Dan Oratori, Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar (SELECT)

ORATOR UUM SAPU BERSIH KEMENANGAN PERTANDINGAN DEBAT PERINGKAT ANTARABANGSA



UUM ONLINE: Thailand – Jenama UUM terus kukuh di persada antarabangsa apabila tiga orator (pemidato) universiti ini berjaya menyapu bersih kemenangan pada *International Speech Contest 2020* yang diadakan di Princess of Naradhiwas University, Narathiwat, baru-baru ini.

Pemidato UUM telah mengetepikan saingan daripada Yala Rajabhat University, Fatoni of Thailand University dan Princess of Naradhiwas University dalam pertandingan yang berlangsung selama tiga hari mulai 13 Februari lalu.

Johan pertandingan ini telah dimenangi pelajar Sarjana Muda Undang-undang, Lim Sen Teng; diikuti tempat kedua oleh Parthiban Saravannan, pelajar Sains dan Ekonomi dan tempat ketiga dimenangi oleh Ayu Lyana Kamsahpihi, pelajar Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang dan Perniagaan.

Ketiga mereka masing-masing membawa pulang wang tunai 1,000 THB; 800 THB dan 500 THB berserta sijil penghargaan.

Dalam pertandingan itu, semua peserta telah dinilai berdasarkan isi dan kemahiran berbahasa menerusi dua pusingan pertandingan iaitu pusingan pertama yang mana sesi pidato berdasarkan teks disediakan peserta bertemakan *'Does online education play a crucial role in education system?'* dan pusingan kedua ialah sesi pidato secara spontan dengan soalan diajukan juri.

Pengurus Unit Debat, Advokasi dan Oratori, Muhammad Hafiz Badarulzaman berkata, kemenangan ini membuktikan bahawa UUM memiliki peminato yang hebat bukan sahaja di peringkat tempatan, malah mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Kemenangan yang diperolehi adalah disebabkan kemahiran bahasa yang sangat tinggi serta idea-idea yang luar biasa telah memukau hati juri untuk memberikan kemenangan kepada pelajar UUM.

"Biarpun pertandingan tersebut dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris, tetapi pelajar kita tidak gentar untuk bersaing walaupun mendapat persaingan sengit daripada universiti-universiti yang lain," katanya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.